

# Device Protection Group Insurance

CHUBB®

## Policy / Polisi

Policy issued to Samsung Malaysia Electronics (SME) Sdn. Bhd., Registration Number : 200301026766 (629186-D) (also known as “Samsung”) as the Policyholder for the benefit of its customer purchasing a Samsung Device. /

*Polisi diisu kepada Samsung Malaysia Electronics (SME) Sdn. Bhd., Nombor Pendaftaran: 200301026766 (629186-D) (juga dikenali sebagai “Samsung”) sebagai Pemegang Polisi untuk manfaat pelanggannya yang membeli Peranti Samsung.*

Please read this Policy and keep it together with the Certificate of Insurance. /  
*Sila baca Polisi ini dan simpan dengan Sijil Insurans.*

The benefit(s) payable under eligible certificate/policy/product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to [PIDM's TIPS brochure](#) or contact [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) or PIDM (visit [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)). /

*Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM ([layari www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).*

This Policy records the terms under which Chubb Insurance Malaysia Berhad, Registration Number: 197001000564 (9827-A), of Wisma Chubb, 38, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia (hereinafter referred to as “**Chubb**”) has agreed to provide insurance cover to the customers of Samsung Malaysia Electronics (SME) Sdn. Bhd. of No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City Level 15, Mercu 2, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia who purchased a Samsung Device in Malaysia (hereinafter referred to as the “**Policyholder**”). /

*Polisi ini mencatat terma-terma yang Chubb Insurance Malaysia Berhad, Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A), Wisma Chubb, 38, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “**Chubb**”) bersetuju memberi perlindungan insurans kepada pelanggan Samsung Malaysia Electronics (SME) Sdn. Bhd., No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City Level 15, Mercu 2, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia, yang membeli Peranti Samsung di Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “**Pemegang Polisi**”).*

The Insured will have the right to make claims on their own behalf against Chubb under the relevant sections of this Policy pursuant to their rights under the Financial Services Act 2013. /  
*Pengguna-pengguna akaun berdaftar atas talian Pemegang Polisi mempunyai hak membuat tuntutan untuk pihak diri sendiri dengan Chubb di bawah bahagian yang berkenaan Polisi ini menurut hak-hak mereka di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.*

This Policy is underwritten by Chubb Insurance Malaysia Berhad.

Chubb Insurance Malaysia Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia. /

*Polisi ini ditaja jamin oleh Chubb Insurance Malaysia Berhad.*

*Chubb Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.*

Chubb Malaysia Insurance Berhad, Registration Number : 197001000564 (9827-A)  
Wisma Chubb, 38 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

© 2026 Chubb. Not all coverages available in all jurisdictions. Chubb® and its respective logos are protected trademarks of Chubb. Published 06/2026

Policy Number:

CHUBB®

Plan Name/ Type	Master Policy No
1 Year Device Protection for ADLD Insurance Only	SPL-002542
2 Year Device Protection for ADLD + 1 Year Extended Warranty Insurance Only	SPL-002543
3 Year Device Protection for ADLD + 2 Year Extended Warranty Insurance Only	SPL-002544
3 Year Device Protection for ADLD + 2 Year Extended Warranty MPMC Insurance Only	SPL-002545
1 Year Device Protection for Cracked Screen Damage Insurance Only	SPL-002546
1 Year Device Protection for ADLD Insurance + Device Support Package	SPL-002547
2 Year Device Protection for ADLD + 1 Year Extended Warranty Insurance + Device Support Package	SPL-002548
3 Year Device Protection for ADLD + 2 Year Extended Warranty Insurance + Device Support Package	SPL-002549
3 Year Device Protection for ADLD + 2 Year Extended Warranty MPMC Insurance + Device Support Package	SPL-002550
1 Year Device Protection for Cracked Screen Damage Insurance + Device Support Package	SPL-002551

Please refer to the Policy below for full details of all benefits, terms and exclusions that are applicable. / *Sila rujuk kepada Polisi di bawah untuk butir-butir terperinci semua manfaat, terma, syarat dan pengecualian yang berkenaan.*

## **1. Important Information Regarding This Policy / *Maklumat Penting Berhubung Polisi***

---

### **1.1 The Policy / *Polisi Ini***

- 1.1.1 This Policy, all written proposals, Certificate of Insurance and endorsements (if any) that We may issue from time to time sets out the entire rights and obligations between the Insured, the Policyholder and Us under the Policy. This Policy is issued in consideration of the information, answers and disclosures provided. / *Polisi ini, semua pendaftaran bertulis, Sijil Insurans dan endorsmen (jika ada) yang mungkin Kami isu dari masa ke semasa menetapkan hak dan kewajipan keseluruhan di antara Orang Tertanggung, Pemegang Polisi dan Kami di bawah Polisi ini. Polisi ini diisu dengan menimbangkan maklumat, jawapan dan pendedahan yang diberi.*
- 1.1.2 In return for the Insured paying Us the premium, We will insure the Insured for the Benefits to the extent provided in this Policy, subject to the terms, conditions, definitions and exclusions contained in this Policy and Certificate of Insurance. / *Sebagai balasan kepada Orang Tertanggung membayar premium kepada Kami, Kami akan melindungi Orang Tertanggung untuk Manfaat-manfaat setakat yang disediakan di dalam Polisi ini, tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat, definisi dan pengecualian yang terdapat di dalam Polisi ini dan Sijil Insurans.*

### **1.2 Please read the Policy / *Sila baca Polisi ini***

- 1.2.1 It is important that the Insured and the Policyholder carefully read and understand this Policy and/or Certificate of Insurance because they describe the terms, conditions and exclusions that apply to the insurance under this Policy. / *Adalah penting untuk Orang Tertanggung dan Pemegang Polisi membaca dengan teliti dan memahami Polisi ini dan/atau Sijil Insurans kerana ia menerangkan terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian yang terpakai untuk insurans di bawah Polisi ini.*

### **1.3 Checking the Policy / *Menyemak Polisi***

- 1.3.1 Please check the Policy and/or Certificate of Insurance to make sure all the information on them is correct. Please let Us know immediately if any alterations are needed. Please contact Us if there is a change of address or account details. / *Sila semak Polisi ini dan/atau Sijil Insurans bagi memastikan semua maklumat betul. Sila maklumkan kepada Kami dengan segera jika apa-apa pindaan diperlukan. Sila hubungi Kami jika terdapat penukaran alamat atau butiran akaun.*

### **1.4 Contacting Us / *Menghubungi Kami***

- 1.4.1 If the Insured or the Policyholder has any queries or need to contact Us, please write to Us at Chubb Insurance Malaysia Berhad, Registration Number: 197001000564 (9827-A), Wisma Chubb, 38 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia or contact Us at 1-800-88-3226 Monday to Friday 8.30am to 5.15pm, excluding weekends and public holiday. The Policyholder or the Insured can also log on to [www.chubb.com/my](http://www.chubb.com/my) / *Jika Orang Tertanggung atau Pemegang Polisi mempunyai apa-apa pertanyaan atau perlu menghubungi Kami, sila tulis dan hantarkan kepada Kami di Chubb Insurance Malaysia Berhad, Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A), Wisma Chubb, 38, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia atau hubungi Kami di 1-800-88-3226 Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi ke 5.15 petang, kecuali hujung minggu dan cuti umum. Pemegang Polisi atau Orang Tertanggung juga boleh melayari laman web [www.chubb.com/my](http://www.chubb.com/my)*

### **1.5 Keeping the documents safe / *Pastikan dokumen disimpan dengan selamat***

- 1.5.1 The Insured and/or the Policyholder should keep the Policy and/or Certificate of Insurance in a safe place in case of a need to refer to them in the future. / *Orang Tertanggung dan/atau Pemegang Polisi hendaklah menyimpan Polisi dan/atau Sijil Insurans di tempat yang selamat sekiranya ada keperluan merujuk kepadanya pada masa hadapan.*
- 1.5.2 Certain types of cover under this Policy may requires the Insured to provide receipts and other documentary evidence to Us. The Insured should keep those documents in a safe place in case We need them to consider a claim. / *Jenis perlindungan tertentu di bawah Polisi ini memerlukan Orang Tertanggung mengemukakan resit dan keterangan dokumentasi yang lain kepada Kami. Orang Tertanggung hendaklah menyimpan dokumen tersebut di tempat yang selamat sekiranya Kami memerlukannya untuk menimbang tuntutan.*

### **1.6 Interpretation / *Tafsiran***

- 1.6.1 This Policy including the enrolment form (if applicable), Certificate of Insurance, endorsements and amendments, if any, shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached shall, unless the context otherwise requires, bear that specific meaning wherever it may appear. / *Polisi ini termasuk borang pendaftaran (jika bersesuaian), Sijil Insurans, endorsmen dan pindaan, jika ada, dan hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau ungkapan dengan maksudnya yang*

*tertentu telah dilampirkan, hendaklah, melainkan konteks menghendaki sebaliknya, memberikan maksud tertentu itu di mana sahaja ia muncul.*

- 1.6.2 In the event of any inconsistencies between the Bahasa Malaysia version and the English version of this Policy, the English version shall prevail. /  
*Jika terdapat apa-apa percanggahan di antara versi Bahasa Melayu dengan versi Bahasa Inggeris Polisi ini, maka versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.*

**1.7 Condition Precedent to Liability / Prasyarat Terhadap Liabiliti**

- 1.7.1 The due observance and fulfilment of the terms, provisions and conditions of this Policy by the Policyholder, the Insured and/or the Insured User, and in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Policyholder, the Insured and/or the Insured User shall be conditions precedent to Our liability to make any payment under this Policy. /  
*Pematuhan dan pelaksanaan sewajarnya terma-terma, peruntukan dan syarat-syarat Polisi ini oleh Pemegang Polisi, Orang Tertanggung dan/atau Pengguna Tertanggung, dan selagi berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan oleh Pemegang Polisi, Orang Tertanggung dan/atau Pengguna Tertanggung patuhilah hendaklah menjadi prasyarat terhadap liabiliti Kami untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini.*

**2 The Policyholder and the Insured's Duties To Us / Kewajipan Pemegang Polisi dan Orang Tertanggung Terhadap Kami**

---

**2.1 Duty to Take Reasonable Care / Kewajipan Memberikan Perhatian Yang Munasabah**

- 2.1.1 The Policyholder and the Insured must take reasonable care:  
(a) not to make a misrepresentation to Us when answering any questions that We ask; and  
(b) not to make a misrepresentation to Us for the Insured's Coverage, when answering any questions, or confirming or amending any matter previously disclosed; and  
(c) to disclose to Us any matter, other than what We have asked in (a) and (b) above, that the Insured knows to be relevant to Our decision on whether to accept the risk or not and the rates and terms to be applied. /  
*Pemegang Polisi dan Orang Tertanggung hendaklah mengambil perhatian yang munasabah:*  
(a) *untuk tidak membuat salah nyataan kepada Kami apabila menjawab apa-apa soalan yang Kami tanya; dan*  
(b) *untuk tidak membuat salah nyataan kepada Kami untuk Perlindungan Orang Tertanggung, apabila menjawab apa-apa soalan, atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang dinyatakan sebelum ini; dan*  
(c) *mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang Kami tanya di dalam (a) dan (b) di atas, yang Orang Tertanggung ketahui yang berkaitan dengan keputusan Kami sama ada menerima risiko atau tidak dan kadar dan terma yang hendak dikenakan.*

- 2.1.2 The Policyholder and the Insured also have a duty to tell Us immediately, if at any time after any Coverage has been entered into, varied or renewed with Us, any of the information the Insured may have provided to Us is inaccurate or has changed. /  
*Pemegang Polisi dan Orang Tertanggung juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan segera, sekiranya pada bila-bila masa selepas menerima Perlindungan ini, perbezaan atau pembaharuan dengan Kami apa-apa maklumat yang telah diberikan oleh Orang Tertanggung kepada Kami adalah tidak tepat atau telah berubah.*

- 2.2** Breach of such duties as stated above may result in Us voiding the Insured's Coverage under the Policy and refusing all claims, or the amount to be paid on a claim being proportionately reduced, depending on the type of misrepresentation or non-disclosure and the effect of the said misrepresentation or non-disclosure, in accordance with Schedule 9 of the Financial Services Act 2013. /

*Melanggar kewajipan tersebut yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan Kami tidak mengesahkan Perlindungan Orang Tertanggung di bawah Polisi ini dan menolak semua tuntutan, atau jumlah yang dibayar pada suatu tuntutan dikurangkan mengikut kadar, bergantung kepada jenis salahnyata atau ketidakdedahan dan kesan salahnyata atau ketidakdedahan, mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.*

**3 Cover Under This Insurance Policy / Perlindungan Di Bawah Polisi Insurans Ini**

---

**3.1 Who and what is insured? / Siapakah dan apakah yang tertanggung?**

The Insured is insured for the Benefits subject to the terms, conditions and exclusions in the Policy. /  
*Orang Tertanggung akan tertanggung untuk Manfaat yang tertakluk pada terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian dalam Polisi ini.*

### 3.2 What are the eligibility requirements? / Apakah keperluan kelayakan?

To be eligible for Coverage, the Insured must be on the Effective Date of Cover: / Untuk layak mendapatkan Perlindungan, Orang Tertanggung mestilah pada Tarikh Mula Perlindungan:

- (a) at least eighteen (18) years old and above; and / sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan ke atas;
- (b) a customer of the Policyholder, who has purchased and paid for the new Insured Device from the Policyholder, for the Insured's own or Insured User's personal use. / seorang pelanggan Pemegang Polisi, yang telah membeli dan membayar Peranti Tertanggung baharu daripada Pemegang Polisi, untuk kegunaan peribadi Orang Tertanggung sendiri atau Pengguna Tertanggung.

## 4 The Meaning of Certain Words / Maksud Perkataan Tertentu

---

The following words when used in the Policy shall have the meaning given below: / Perkataan yang berikut apabila digunakan di dalam Polisi mempunyai maksud yang diberikan di bawah:

- 4.1 Accidentally Damaged or Accidental Damage** means any visible or non-visible damage or water/liquid damage (which need not be visible) that occurred to the Device, by sudden, unforeseeable and accidental external force, including dropping, impact, fire and liquid contact, that caused damage to the Device and which adversely affects the functionality of Device. / **Kerosakan Tidak Sengaja** bermaksud sebarang kerosakan yang dapat dilihat atau tidak dapat dilihat, atau kerosakan akibat air/cecair (yang tidak semestinya dapat dilihat), yang berlaku kepada Peranti disebabkan oleh daya luaran yang tiba-tiba, tidak dijangka dan tidak sengaja, termasuk terjatuh, kehentakan, kebakaran dan sentuhan dengan cecair, yang menyebabkan kerosakan kepada Peranti dan menjejaskan fungsi Peranti secara buruk.
- 4.2 Accidental Damage Coverage Period** means the period between the Accidental Damage start date and the Accidental Damage end date, as stated in the Certificate of Insurance. Specifically, for MPMC plan, this is subject to the payment of the monthly premium. / **Tempoh Perlindungan Kerosakan Tidak Sengaja** bermaksud tempoh di antara tarikh mula Kerosakan Tidak Sengaja dan tarikh tamat Kerosakan Tidak Sengaja, seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans. Khususnya, bagi pelan MPMC, perlindungan ini tertakluk kepada pembayaran premium bulanan.
- 4.3 Authorised Repairer** is the party that We have authorised to Repair and/or Replace the Insured Device under each Valid Claim. Authorised Repairer here means Bolttech Service Malaysia Sdn. Bhd. / **Pembaiki Diberi Kuasa** ialah pihak yang telah Kami memberi kuasa untuk Membaiki dan/atau Menggantikan Peranti Tertanggung bagi setiap Tuntutan Sah. Pembaiki Diberi Kuasa tersebut bermaksud Bolttech Service Malaysia Sdn. Bhd.
- 4.4 Benefit(s)** means the respective benefit(s) depending on the plan chosen, as stated in the Insured's Certificate of Insurance, payable by Us under the terms and conditions of this Policy in respect of each event or loss covered by this Policy. / **Manfaat** bermaksud manfaat yang berkenaan mengikut pelan yang dipilih, seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Insurans Orang Tertanggung, yang dibayar oleh Kami di bawah terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini berkenaan dengan setiap kejadian atau kehilangan yang dilindungi oleh Polisi ini.
- 4.5 Beyond Economical Repair** means the state of the Insured Device where it is estimated that the cost to Repair is equal to or greater than 85% of the Insured Device's RRP. / **Melebihi Pembaikan yang Ekonomik** bermaksud keadaan Peranti Tertanggung di mana kos untuk Membaiki dianggarkan sama dengan atau melebihi 85% daripada RRP Peranti Tertanggung.
- 4.6 Breakdown/Breaks Down** means an internal mechanical or electronic defect resulting in the failure of the Insured Device to operate as intended by the Manufacturer, after the expiry of the Manufacturer's Warranty Period. / **Kegagalan Fungsi** bermaksud kecacatan mekanikal atau elektronik dalaman yang mengakibatkan kegagalan Peranti Tertanggung untuk berfungsi sebagaimana yang bertujuan oleh Pengilang, selepas tamat Tempoh Waranti Pengilang.
- 4.7 Breakdown Coverage Period** means the period between the Breakdown start date and the Breakdown end date, as stated in the Certificate of Insurance. Specifically, for MPMC plan, this is subject to the payment of the monthly premium. / **Tempoh Perlindungan Kegagalan Fungsi** bermaksud tempoh di antara tarikh mula Kegagalan Fungsi dan tarikh tamat Kegagalan Fungsi, seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans. Khususnya, bagi pelan MPMC, perlindungan ini tertakluk kepada pembayaran premium bulanan.

- 4.8 Certificate of Insurance** means the document in PDF format entitled Certificate of Insurance issued to the Insured to confirm that the Insured Device has been accepted for Coverage according to the terms and conditions of the Policy. The Certificate of Insurance contains details specific to the Insured Device and forms part of this Policy. / *Sijil Insurans* bermaksud dokumen dalam format PDF yang bertajuk Sijil Insurans yang dikeluarkan kepada Orang Tertanggung untuk mengesahkan bahawa Peranti Tertanggung telah diterima untuk Perlindungan mengikut terma-terma dan syarat-syarat Polisi. Sijil Insurans mengandungi butiran khusus mengenai Peranti Tertanggung dan merupakan sebahagian daripada Polisi ini.
- 4.9 Cosmetic Damage** means non-structural damage that does not affect the functionality or operation of the Device including but not limited to scratches, dents and marks caused by normal wear and tear and/or general usage. / *Kerosakan Kosmetik* bermaksud kerosakan bukan struktur yang tidak menjejaskan fungsi atau operasi Peranti, termasuk tetapi tidak terhad kepada calar, kemik dan tanda yang disebabkan oleh haus dan lusuh biasa dan/atau penggunaan umum.
- 4.10 Coverage** means the cover on the Device, provided to the Insured who has been issued a Certificate of Insurance under this Policy. / *Perlindungan* bermaksud lindungan Peranti yang diberi kepada Orang Tertanggung yang telah diisukan dengan Sijil Insurans di bawah Polisi ini.
- 4.11 Cracked Screen Damage** means any damage occurring to the Insured Device resulting in a crack(s) to the main screen, by involuntary and external means. / *Kerosakan Skrin Retak* bermaksud sebarang kerosakan yang berlaku kepada Peranti Tertanggung yang mengakibatkan keretakan pada skrin utama, melalui cara yang tidak disengajakan dan luaran.
- 4.12 Cracked Screen Coverage Period** means the period between the Cracked Screen Damage start date and the Cracked Screen Damage end date, as stated in the Certificate of Insurance. / *Tempoh Perlindungan Skrin Retak* bermaksud tempoh di antara tarikh mula Kerosakan Skrin Retak dan tarikh tamat Kerosakan Skrin Retak, seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans.
- 4.13 Device** means any portable electrical connected devices which are manufactured and/or distributed by the Policyholder, including but not limited to smartphones, tablets and/or smartwatches identified as eligible for insurance enrolment by the Policyholder with Our consent. / *Peranti* bermaksud mana-mana peranti mudah alih yang bersambung elektrik, yang dikilangkan dan/atau diedarkan oleh Pemegang Polisi, termasuk tetapi tidak terhad kepada telefon pintar, tablet dan/atau jam tangan pintar yang dikenal pasti sebagai layak untuk penyertaan insurans oleh Pemegang Polisi dengan persetujuan Kami.
- 4.14 Effective Date of Cover** means the date on which the Coverage on the Insured Device under this Policy commences and must be within thirty (30) days from the date the Insured purchased the Device from the Policyholder, as stated in the Certificate of Insurance. / *Tarikh Mula Perlindungan* bermaksud tarikh di mana Perlindungan ke atas Peranti Tertanggung di bawah Polisi ini bermula dan mestilah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Orang Tertanggung membeli Peranti daripada Pemegang Polisi, seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans.
- 4.15 Excess** means the amount that the Insured is required to pay for each Valid Claim, where applicable, as indicated in the Policy Schedule and Certificate of Insurance. / *Deduktibel* bermaksud jumlah yang dikehendaki dibayar oleh Orang Tertanggung bagi setiap Tuntutan Sah, di mana berkenaan, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dan Sijil Insurans.
- 4.16 Expiry Date of Cover** means the date on which the Coverage on the Insured Device under this Policy ends, as stated in the Certificate of Insurance. / *Tarikh Tamat Perlindungan* bermaksud tarikh di mana Perlindungan ke atas Peranti Tertanggung di bawah Polisi ini berakhir, seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans.
- 4.17 Insured** means an individual consumer of the Policyholder who is eligible for cover under this Policy pursuant to clause 3.2 of this Policy, who agreed to purchase and has paid the premium for this Coverage and to whom a Certificate of Insurance has been issued. *Orang Tertanggung* bermaksud pengguna individu Pemegang Polisi yang layak mendapat perlindungan di bawah Polisi ini menurut fasal 3.2 Polisi ini, yang bersetuju untuk membeli dan telah membayar premium bagi Perlindungan ini dan kepada siapa Sijil Insurans telah dihantar.

- 4.18 Insured Device** means a new Device which:
- (a) is identified as eligible for insurance enrolment on the Policyholder's online and physical stores;
  - (b) is purchased and paid in full by the Insured in Malaysia from the Policyholder;
  - (c) the model and IMEI are specified in the Certificate of Insurance; and
  - (d) belongs to the Insured and is only used by the Insured or Insured User. /
- Peranti Tertanggung** bermaksud Peranti baharu yang:
- (a) dikenal pasti sebagai layak untuk penyertaan insurans di kedai dalam talian dan fizikal Pemegang Polisi;
  - (b) dibeli dan dibayar sepenuhnya oleh Orang Tertanggung di Malaysia daripada Pemegang Polisi;
  - (c) model dan IMEI dinyatakan dalam Sijil Insurans; dan
  - (d) adalah kepunyaan Orang Tertanggung dan hanya digunakan oleh Orang Tertanggung atau Pengguna Tertanggung.
- 4.19 Insured User** means the Insured or a person who is authorised by the Insured to use the Insured Device at the time of the occurrence of the event which may give rise to a claim under this Policy. /
- Pengguna Tertanggung** bermaksud Orang Tertanggung atau seseorang yang diberi kuasa oleh Orang Tertanggung untuk menggunakan Peranti Tertanggung pada masa kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini berlaku.
- 4.20 Limit of Liability** means the maximum Coverage provided in this Policy and as stated in the Policy Schedule and/ or Certificate of Insurance. /
- Had Liabiliti** bermaksud jumlah maksimum Perlindungan yang disediakan dalam Polisi ini dan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dan/atau Sijil Insurans.
- 4.21 Malicious Damage** means intentional or deliberate damage to the Insured Device caused by the Insured, Insured User and/or a third party. /
- Kerosakan Berniat Jahat** bermaksud kerosakan yang disengajakan atau dengan sengaja kepada Peranti Tertanggung yang disebabkan oleh Orang Tertanggung, Pengguna Tertanggung dan/atau pihak ketiga.
- 4.22 Manufacturer or Original Equipment Manufacturer (OEM)** means the Policyholder that originally manufactured the Insured Device. /
- Pengilang** atau **Pengilang Peralatan Asal (OEM)** bermaksud Pemegang Polisi yang pada asalnya mengilangkan Peranti Tertanggung.
- 4.23 Manufacturer's Warranty** means any warranty given by the Manufacturer for the Insured Device in respect of hardware Breakdown, whether expressed or implied. /
- Waranti Pengilang** bermaksud sebarang waranti yang diberikan oleh Pengilang untuk Peranti Tertanggung berkenaan Kegagalan Fungsi perkakasan, sama ada secara nyata atau tersirat.
- 4.24 Manufacturer's Warranty Period** means the uninterrupted period of the Manufacturer's Warranty cover as stated on the original official Manufacturer's Warranty certificate or publication. /
- Tempoh Waranti Pengilang** bermaksud tempoh perlindungan Waranti Pengilang yang tidak terputus seperti yang dinyatakan dalam sijil atau penerbitan Waranti Pengilang yang rasmi dan asal.
- 4.25 MPMC** refers to monthly pay monthly cover payment type plan, which is a designed as a monthly coverage of the Insured Device, automatically renewed on a monthly basis, but not for more than thirty six (36) months from the Effective Date of Cover, subject to payment of premium by the Insured. /
- MPMC** merujuk kepada pelan jenis pembayaran perlindungan bulanan bayar bulanan, yang direka sebagai perlindungan bulanan bagi Peranti Tertanggung, yang diperbaharui secara automatik setiap bulan, tetapi tidak melebihi tiga puluh enam (36) bulan dari Tarikh Mula Perlindungan, tertakluk kepada pembayaran premium oleh Orang Tertanggung.
- 4.26 Normal Use** means use of the Insured Device in accordance with the manufacturer guidelines for Insured Device usage including but not limited to regular maintenance & upkeep of the Insured Device, usage of specified protection devices such as voltage stabilisers. /
- Penggunaan Biasa** bermaksud penggunaan Peranti Tertanggung mengikut garis panduan pengilang untuk penggunaan Peranti Tertanggung termasuk tetapi tidak terhad kepada penyelenggaraan dan penjagaan berkala Peranti Tertanggung, penggunaan peranti perlindungan yang ditetapkan seperti penstabil voltan.
- 4.27 Pair or Set** means a number of the Insured Device used together or associated as being similar or complementary. /

**Sepasang atau Set** bermaksud sebilangan Peranti Tertanggung yang digunakan bersama atau dikaitkan sebagai serupa atau saling melengkap.

- 4.28 Period of Insurance** means the period starting from the Effective Date of Cover to the Expiry Date of Cover of the Insured Device as stated in the Certificate of Insurance, for which premium has been paid to Us. / **Tempoh Insurans** bermaksud tempoh bermula dari Tarikh Mula Perlindungan sehingga Tarikh Tamat Perlindungan Peranti Tertanggung seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans, di mana premium telah dibayar kepada Kami.
- 4.29 Policy** means this Policy Wording, Certificate of Insurance and any other documents that We may issue to the Policyholder or to the Insured that will form part of the Policy, which together constitutes the entire contract. / **Polisi** bermaksud Keterangan Polisi ini, Sijil Insurans dan apa-apa dokumen lain yang mungkin Kami isu kepada Pemegang Polisi atau Orang Tertanggung yang akan membentuk sebahagian daripada Polisi, yang bersama-sama membentuk keseluruhan kontrak.
- 4.30 Policyholder** is the party to whom the Policy is issued to and We enter into a contract with. Policyholder here means Samsung Malaysia Electronics (SME) Sdn. Bhd. / **Pemegang Polisi** bermaksud pihak yang mana Polisi ini diisukan kepada dan Kami memasuki kontrak dengannya. Pemegang Polisi di sini bermaksud Samsung Malaysia Electronics (SME) Sdn. Bhd.
- 4.31 Policy Period** means the period shown on the current Policy Schedule or such shorter time if the Policy is terminated and for which cover applies under this Policy. / **Tempoh Polisi** bermaksud tempoh yang ditunjukkan di Jadual Polisi terkini atau masa yang lebih singkat jika Polisi ini dibatalkan dan di mana perlindungan terpakai di bawah Polisi ini.
- 4.32 Policy Schedule** means the Policy Schedule which is issued to the Policyholder, incorporating in and forms part of this Policy. / **Jadual Polisi** bermaksud Jadual Polisi yang diisu kepada Pemegang Polisi, menggabungkan dan membentuk sebahagian daripada Polisi ini.
- 4.33 Policy Wording** means this document. / **Keterangan Polisi** bermaksud dokumen ini.
- 4.34 Premium** means the premium calculated and payable by the Insured to Us in accordance with the Policy Schedule and as indicated in the Certificate of Insurance. / **Premium** bermaksud premium yang dikira dan perlu dibayar oleh Orang Tertanggung kepada Kami mengikut Jadual Polisi dan seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans.
- 4.35 Proof of Loss** means documentation or statement made by the Insured to Us with evidence such as photos, receipts or police reports to support a claim. / **Bukti Kehilangan** bermaksud dokumentasi atau kenyataan yang dibuat oleh Orang Tertanggung kepada Kami dengan bukti seperti gambar, resit atau laporan polis untuk menyokong sesuatu tuntutan.
- 4.36 Refurbished Device** means a Device that was previously used or similar to a Device that has been restored to like-new working conditions in accordance with the original Manufacturer's specifications or shall mean a like-for-like replacement of the original Insured Device that is of a like-new working condition in accordance with the original Manufacturer's specifications such that the Refurbished Device will perform like a brand-new product. / **Peranti Yang Diperbaharui** bermaksud Peranti yang telah digunakan sebelum ini atau yang serupa dengan Peranti yang telah diperbaharui kepada keadaan penggunaan seperti yang baru mengikut spesifikasi asal Pengilang, atau bermaksud penggantian setara bagi Peranti Tertanggung asal yang berada dalam keadaan berfungsi seperti baharu mengikut spesifikasi asal Pengilang sedemikian rupa sehingga Peranti Yang Diperbaharui tersebut akan berfungsi seperti produk serba baru.
- 4.37 Repair or Repaired or Repairing** means to restore the Insured Device to proper working order. The cost covered are limited to the component parts cost and labour cost, including the prevailing service tax, as invoiced by Our Authorised Repairer. / **Pembaikan atau Dibaiki atau Membaiki** bermaksud memulihkan Peranti Tertanggung kepada keadaan berfungsi yang baik. Kos yang dilindungi adalah terhad kepada kos bahagian komponen dan kos buruh, termasuk cukai perkhidmatan semasa, seperti yang diinvoiskan oleh Pembaiki Diberi Kuasa Kami.

- 4.38 Replace or Replaced or Replacing or Replacement** means to replace the Insured Device with another which has the same or similar brand, model, colour or specification as the original Insured Device, which could be a Refurbished Device. The cost covered are limited to the Insured Device's RRP and diagnostic fees, including the prevailing service tax, as invoiced by Our Authorised Repairer. / **Penggantian** atau **Digantikan** atau **Menggantikan** atau **Pengganti** bermaksud menggantikan Peranti Tertanggung dengan peranti lain yang mempunyai jenama, model, warna atau spesifikasi yang sama seperti Peranti Tertanggung asal, yang mungkin merupakan Peranti Yang Diperbaharui. Kos yang dilindungi adalah terhad kepada RRP Peranti Tertanggung dan yuran diagnostik, termasuk cukai perkhidmatan semasa, seperti yang diinvoiskan oleh Pembaiki Diberi Kuasa Kami.
- 4.39 RRP** means the recommended retail price of the Insured Device (including applicable taxes) on the launch date of the Insured Device and may not reflect the price the Insured paid in purchasing the Insured Device. / **RRP** bermaksud harga runcit yang disyorkan bagi Peranti Tertanggung (termasuk cukai yang berkenaan) pada tarikh pelancaran Peranti Tertanggung dan mungkin tidak mencerminkan harga yang dibayar oleh Orang Tertanggung semasa membeli Peranti Tertanggung.
- 4.40 Upfront** refers to a payment type that are designed for the Insured to pay the premium in full prior to or on the Effective Date of Cover. / **Pendahuluan** merujuk kepada jenis pembayaran yang direka untuk Orang Tertanggung membayar premium secara penuh sebelum atau pada Tarikh Mula Perlindungan.
- 4.41 Valid Claim** means a claim for Repair or Replace the Insured Device whereby:
- the Insured has provided the Proof of Loss as detailed in the Policy; and
  - the Insured meets the eligibility requirements set out in the Policy; and
  - the Insured notifies Chubb of a claim within seven (7) days from the date that the Insured Device suffered an Accidental Damage, a Breakdown or a Cracked Screen Damage. /
- Tuntutan Sah** bermaksud tuntutan untuk membaiki atau menggantikan Peranti Tertanggung di mana:
- Orang Tertanggung telah mengemukakan Bukti Kehilangan seperti yang diperincikan dalam Polisi; dan
  - Orang Tertanggung memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Polisi; dan
  - Orang Tertanggung memaklumkan kepada Chubb mengenai sesuatu tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Peranti Tertanggung mengalami Kerosakan Tidak Sengaja, Kerosakan atau Kerosakan Skrin Retak.
- 4.42 We/Us/Our** means Chubb Insurance Malaysia Berhad. / **Kami** bermaksud Chubb Insurance Malaysia Berhad.

## 5. Benefits / Manfaat

Depending on the plan chosen, the Benefits provided under this Policy are subject to the terms, conditions, and limits applicable to the Insured's selected plan. Please refer to the table below for the specific Benefits and limits of liability corresponding to the chosen plan. / Bergantung kepada plan yang dipilih, Manfaat yang disediakan di bawah Polisi ini adalah tertakluk kepada terma, syarat, dan had yang berkenaan dengan plan yang dipilih oleh Orang Tertanggung. Sila rujuk jadual di bawah untuk Manfaat dan had liabiliti tertentu yang berkaitan dengan plan yang dipilih.

Plan / Pelan	Benefits / Manfaat	Payment Type / Jenis Pembayaran	Limit of Liability / Had Liabiliti	Coverage Period / Tempoh Perlindungan
1 Year Device Protection for ADLD	Accidental Damage / Kerosakan Tidak Sengaja	Upfront / Pendahuluan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unlimited Repair claims / Tuntutan Pembaikan Tanpa Had</li> <li>1 Replacement claim / 1 Tuntutan Penggantian</li> </ul>	Accidental Damage: 12 months / Kerosakan Tidak Sengaja: 12 bulan
2 Year Device Protection for ADLD + 1 Year Extended Warranty	1. Accidental Damage / Kerosakan Tidak Sengaja 2. Breakdown / Kegagalan Fungsi	Upfront / Pendahuluan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unlimited Repair claims / Tuntutan Pembaikan Tanpa Had</li> <li>2 Replacement claims / 2 Tuntutan Penggantian</li> </ul>	1. Accidental Damage: 24 months / Kerosakan Tidak Sengaja: 24 bulan 2. Breakdown: 12 months / Kegagalan Fungsi: 12 bulan

3 Year Device Protection for ADLD + 2 Year Extended Warranty	1. Accidental Damage / <i>Kerosakan Tidak Sengaja</i> 2. Breakdown / <i>Kegagalan Fungsi</i>	Upfront / <i>Pendahuluan</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unlimited Repair claims / <i>Tuntutan Pembaikan Tanpa Had</i></li> <li>3 Replacement claims / <i>3 Tuntutan Penggantian</i></li> </ul>	1. Accidental Damage: 36 months / <i>Kerosakan Tidak Sengaja: 36 bulan</i> 2. Breakdown: 24 months / <i>Kegagalan Fungsi: 24 bulan</i>
3 Year Device Protection for ADLD + 2 Year Extended Warranty MPMC	1. Accidental Damage / <i>Kerosakan Tidak Sengaja</i> 2. Breakdown / <i>Kegagalan Fungsi</i>	MPMC / <i>MPMC</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unlimited Repair claims / <i>Tuntutan Pembaikan Tanpa Had</i></li> <li>1 Replacement claim every 12 months (x1 in Month 1 to 12, x1 in Month 13 to 24 and x1 in Month 25 to 36) / <i>1 Tuntutan Penggantian setiap 12 bulan (x1 dalam Bulan 1 hingga 12, x1 dalam Bulan 13 hingga 24 and x1 dalam Bulan 25 hingga 36)</i></li> </ul>	1. Accidental Damage: 36 months / <i>Kerosakan Tidak Sengaja: 36 bulan</i> 2. Breakdown: 24 months / <i>Kegagalan Fungsi: 24 bulan</i>
1 Year Device Protection for Cracked Screen Damage	Cracked Screen Damage / <i>Kerosakan Skrin Retak</i>	Upfront / <i>Pendahuluan</i>	Cracked Screen Damage: / <i>Kerosakan Skrin Retak:</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>Repair claim: 1 / <i>Tuntutan Pembaikan: 1</i></li> <li>Replacement claim: Not applicable / <i>Tuntutan Penggantian: Tidak berkenaan</i></li> </ul>	Cracked Screen Damage: 12 months / <i>Kerosakan Skrin Retak: 12 bulan</i>

## 5.1 Accidental Damage Benefit / *Manfaat Kerosakan Tidak Sengaja*

5.1.1 Depending on the plan chosen, in the event the Insured Device is Accidentally Damaged, during the Accidental Damage Coverage Period, We will, at Our discretion, indemnify the Insured through the following:

- (a) Repair the Insured Device; or  
(b) Replace the Insured Device if the Insured Device is deemed to be Beyond Economical Repair, subject to the terms and conditions herein. /

*Bergantung kepada plan yang dipilih, sekiranya Peranti Tertanggung mengalami Kerosakan Tidak Sengaja, semasa Tempoh Perlindungan Kerosakan Tidak Sengaja, Kami akan, mengikut budi bicara Kami, mengganti rugi Orang Tertanggung melalui perkara berikut:*

- (a) *Membaiki Peranti Tertanggung; atau*  
(b) *Menggantikan Peranti Tertanggung sekiranya Peranti Tertanggung dianggap Melebihi Pembaikan yang Ekonomik,*

*tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini.*

5.1.2 We will pay for the cost of Repairing or Replacing the Insured Device carried out by Our Authorised Repairer for Accidental Damage to the Insured Device after the Excess is paid, where applicable, subject to the terms and conditions herein. /

*Kami akan membayar kos Pembaikan atau Penggantian Peranti Tertanggung yang dikendalikan oleh Pembaiki Diberi Kuasa Kami bagi Kerosakan Tidak Sengaja ke atas Peranti Tertanggung selepas Deduktibel dibayar, di mana berkenaan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini.*

## 5.2 Breakdown Benefit / *Manfaat Kegagalan Fungsi*

5.2.1 Depending on the plan chosen, in the event where the Insured Device Breaks Down, during the Breakdown Coverage Period, We will, at Our discretion, indemnify the Insured through the following:

- (a) Repair the Insured Device; or  
(b) Replace the Insured Device if the Insured Device is deemed to be Beyond Economical Repair, subject to the terms and conditions herein. /

*Bergantung kepada plan yang dipilih, sekiranya Peranti Tertanggung mengalami Kegagalan Fungsi, semasa Tempoh Perlindungan Kegagalan Fungsi, Kami akan, mengikut budi bicara Kami, mengganti rugi Orang Tertanggung melalui perkara berikut:*

- (c) *Membaiki Peranti Tertanggung; atau*  
(d) *Menggantikan Peranti Tertanggung sekiranya Peranti Tertanggung dianggap Melebihi Pembaikan yang Ekonomik,*

*tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini.*

5.2.2 We will pay for the cost of Repairing or Replacing the Insured Device carried out by Our Authorised Repairer for Breakdown to the Insured Device after the Excess is paid, where applicable, subject to the terms and conditions herein.

/

*Kami akan membayar kos Pembaikan atau Penggantian Peranti Tertanggung yang dikendalikan oleh Pembaiki Diberi Kuasa Kami bagi Kegagalan Fungsi ke atas Peranti Tertanggung selepas Deduktibel dibayar, di mana berkenaan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini.*

### **5.3 Cracked Screen Damage Benefit / Manfaat Kerosakan Skrin Retak**

5.3.1 Depending on the plan chosen and subject to clause 5.3.3 below, in the event where the Insured Device sustains a Cracked Screen Damage during the Cracked Screen Coverage Period, We will Repair the screen of the Insured Device, subject to the terms and conditions herein. For the avoidance of doubt, We will not cover for any cost where the damages not related to the screen including liquid damage. /

*Bergantung kepada plan yang dipilih dan tertakluk kepada fasal 5.3.3 di bawah, sekiranya Peranti Tertanggung mengalami Kerosakan Skrin Retak semasa Tempoh Perlindungan Skrin Retak, Kami akan Membaiki skrin Peranti Tertanggung, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini. Bagi mengelakkan keraguan, Kami tidak akan melindungi sebarang kos di mana kerosakan tidak berkaitan dengan skrin termasuk kerosakan akibat cecair.*

5.3.2 We will pay for the cost of Repairing the Insured Devices carried out by Our Authorised Repairer for Cracked Screen Damage to the Insured Device after the applicable Excess is paid, subject to the terms and conditions herein. /  
*Kami akan membayar kos Pembaikan Peranti Tertanggung yang dikendalikan oleh Pembaiki Diberi Kuasa Kami bagi Kerosakan Skrin Retak ke atas Peranti Tertanggung selepas Deduktibel dibayar, di mana berkenaan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini.*

5.3.3 In the event the Insured Device is deemed to be Beyond Economic Repair due to the Cracked Screen Damage or as a cumulative result any other damage sustained by the Insured Device at the same time as the Cracked Screen Damage, We will not Replace the Insured Device and shall only be liable for the Repair costs for the Cracked Screen Damage, based on the Repair cost for the Cracked Screen only as charged by the Authorised Repairer, if such Repair is performed at the request of the Insured. /  
*Sekiranya Peranti Tertanggung dianggap Melebihi Pembaikan yang Ekonomik akibat Kerosakan Skrin Retak atau sebagai akibat kumulatif daripada sebarang kerosakan lain yang dialami oleh Peranti Tertanggung pada masa yang sama dengan Kerosakan Skrin Retak, Kami tidak akan Menggantikan Peranti Tertanggung dan hanya akan bertanggungjawab terhadap kos Pembaikan bagi Kerosakan Skrin Retak, berdasarkan kos Pembaikan untuk Skrin Retak sahaja seperti yang dikenakan oleh Pembaiki Diberi Kuasa, sekiranya Pembaikan tersebut dilaksanakan atas permintaan Orang Tertanggung.*

### **5.4 Limit of Liability / Had Liabiliti**

5.4.1 Our total Limit of Liability for each of the Benefit is stated in the Certificate of Insurance based on the plan purchased by the Insured. /

*Jumlah Had Liabiliti Kami bagi setiap Manfaat adalah dinyatakan dalam Sijil Insurans berdasarkan plan yang dibeli oleh Orang Tertanggung.*

### **5.5 Excess / Deduktibel**

5.5.1 An Excess may be payable for each and every Valid Claim. The applicable Excess will be shown in the Policy Schedule and Certificate of Insurance, based on the plan purchased by the Insured and the type of Insured Device purchased, if applicable. /

*Deduktibel mungkin perlu dibayar bagi setiap Tuntutan Sah. Deduktibel yang berkenaan akan ditunjukkan dalam Jadual Polisi dan Sijil Insurans, berdasarkan plan yang dibeli oleh Orang Tertanggung dan jenis Peranti Tertanggung yang dibeli, jika berkenaan.*

### **5.6 Replacement Conditions / Syarat-syarat Penggantian**

5.6.1 If We provide the Insured with a Replacement, the Insured shall surrender the original damaged Insured Device which will become Our property. /

*Sekiranya Kami menyediakan Penggantian kepada Orang Tertanggung, Orang Tertanggung hendaklah menyerahkan Peranti Tertanggung asal yang rosak dan akan menjadi hak milik Kami.*

5.6.2 Failure to comply with the above conditions shall result in Our right to demand from the Insured the repayment of the cost of Replacing the Insured Device. /

*Kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat di atas akan mengakibatkan hak Kami untuk menuntut daripada Orang Tertanggung pembayaran balik kos Penggantian Peranti Tertanggung.*

- 6.1 This Policy will not apply to any Benefit under clause 5, arising directly or indirectly out of: / *Polisi ini tidak terpakai untuk mana-mana Manfaat di bawah fasal 5 yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:*
- (a) Reimbursement of Repair cost(s) incurred by the Insured from Repair service(s) not performed by Our Authorised Repairer. / *Pembayaran balik kos Pembaikan yang ditanggung oleh Orang Tertanggung daripada perkhidmatan Pembaikan yang tidak dilaksanakan oleh Pembaiki Diberi Kuasa Kami.*
  - (b) Repair(s) necessitated due to, and mechanical and/or electrical defect caused by, violating Manufacturer's Warranty, abuse of Insured Device, negligence, illegal usage and/or use of the Insured Device other than Normal Use. / *Pembaikan yang diperlukan akibat, dan kecacatan mekanikal dan/atau elektrik yang disebabkan oleh, pelanggaran Waranti Pengilang, penyalahgunaan Peranti Tertanggung, kecuaiian, penggunaan haram dan/atau penggunaan Peranti Tertanggung selain daripada Penggunaan Biasa.*
  - (c) Regular wear and tear or gradual deterioration of the Insured Device. / *Haus dan lusuh biasa atau kemerosotan beransur-ansur Peranti Tertanggung.*
  - (d) Restoration of software (including operating system and any stored data) stored in Insured Device, including the cost incurred for installing or re-purchasing any content such as data, music, photo if the claim is fulfilled by a Replacement Device, and any defects resulting directly from software installation and/ or removal, computer virus, virus prevention, and other peripherals. / *Pemulihan perisian (termasuk sistem pengendalian dan sebarang data yang tersimpan) yang disimpan dalam Peranti Tertanggung, termasuk kos yang ditanggung untuk memasang atau membeli semula sebarang kandungan seperti data, muzik, foto sekiranya tuntutan dipenuhi melalui Peranti Pengganti, dan sebarang kecacatan yang berpunca secara langsung daripada pemasangan dan/atau penyingkiran perisian, virus komputer, pencegahan virus, dan periferal lain.*
  - (e) Breakdown or Accidental Damage or Cracked Screen Damage implicitly or explicitly covered by Manufacturer's Warranty or after repair warranty. / *Kegagalan Fungsi atau Kerosakan Tidak Sengaja atau Kerosakan Skrin Retak yang secara tersirat atau tersurat dilindungi oleh Waranti Pengilang atau waranti selepas pembaikan.*
  - (f) Replacement of any consumable items or accessories used in or with the Insured Device, such as batteries, chargers, headphones, S-Pens, screen protectors, external cables and cords, add-on options incorporated to the Insured Device, and hardware that has been added after the purchase of the original Insured Device. / *Penggantian mana-mana item atau aksesori yang boleh diguna habis yang digunakan dalam atau bersama Peranti Tertanggung, seperti bateri, pengecas, fon kepala, S-Pen, pelindung skrin, kabel dan kord luaran, pilihan tambahan yang digabungkan ke dalam Peranti Tertanggung, dan perkakasan yang telah ditambah selepas pembelian Peranti Tertanggung asal.*
  - (g) Cosmetic Damage to the Insured Device, such as damage to paintwork, finish, dents or scratches. / *Kerosakan Kosmetik pada Peranti Tertanggung, seperti kerosakan pada cat, kemasan, kemik atau calar.*
  - (h) Any defects that are the subject to the Manufacturer's recall. / *Sebarang kecacatan yang menjadi subjek penarikan balik oleh Pengilang.*
  - (i) Insured Device purchased outside of Malaysia. / *Peranti Tertanggung yang dibeli di luar Malaysia.*
  - (j) Loss arising from force majeure (including fire, flood, earthquake, storm, hurricane, or other natural disaster), war, war like operations (whether war declared or not), act of foreign enemy, hostilities, civil war, rebellion, insurrection, civil commotion, military usurped power, seizure, capture, confiscation, arrest, restraints and/ or detainment by order of any government or any other authority. / *Kerosakan yang timbul daripada force majeure (termasuk kebakaran, banjir, gempa bumi, ribut, taufan, atau bencana alam lain), peperangan, operasi seperti peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), tindakan musuh asing, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, rusuhan, kekecohan awam, kuasa rampasan tentera, rampasan, tangkapan, perampasan, penahanan dan/atau sekatan atas perintah mana-mana kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa lain.*
  - (k) Any form of physical loss or untraceability of the Insured Device, or any form of consequential or incidental loss suffered by the Insured in respect of the Insured Device. / *Sebarang bentuk kehilangan fizikal atau ketidakbolehesanan Peranti Tertanggung, atau sebarang bentuk kerugian berbangkit atau kerugian sampingan yang dialami oleh Orang Tertanggung berkenaan Peranti Tertanggung.*
  - (l) Loss arising from nuclear reaction, nuclear radiation or radioactive contamination from any source whatsoever. / *Kerosakan yang timbul daripada tindak balas nuklear, sinaran nuklear atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana sumber sekalipun.*
  - (m) Damage arising from overload, experiments or tests requiring the imposition of abnormal conditions. / *Kerosakan yang timbul daripada terlebih beban, eksperimen atau ujian yang memerlukan penguasaan keadaan yang tidak normal.*
  - (n) Gradually developing flaws, defects, cracks or partial fractures in any part, although repair or renewal of the parts affected may be necessary in the future. / *Kecacatan, kerosakan, retakan atau pecahan separa yang*

*berkembang secara beransur-ansur pada mana-mana bahagian, walaupun pembaikan atau pembaharuan bahagian yang terjejas mungkin diperlukan pada masa hadapan.*

- (o) Deterioration of or wearing away or wearing out of any part, marring or scratching of the Insured Device caused by external force or naturally resulting from Normal Use or exposure. / *Kemerosotan atau kehakisan atau kelusuhan mana-mana bahagian, pencacatan atau calar pada Peranti Tertanggung yang disebabkan oleh daya luaran atau yang berlaku secara semula jadi akibat Penggunaan Biasa atau pendedahan.*
- (p) Damage arising from electrical or mechanical breakdown including electrical failure or short-circuit. / *Kerosakan yang timbul daripada Kegagalan Fungsi elektrik atau mekanikal termasuk kegagalan elektrik atau litar pintas.*
- (q) Damage arising from attack by unauthorised software/virus, software faults. / *Kerosakan yang timbul daripada serangan perisian tidak sah/virus, kesalahan perisian.*
- (r) Loss arising out of any Malicious Damage towards the Insured Device including but not limited to incorrect installation or incorrect set-up. / *Kerosakan yang timbul daripada sebarang Kerosakan Berniat Jahat terhadap Peranti Tertanggung termasuk tetapi tidak terhad kepada pemasangan yang tidak betul atau persediaan yang tidak betul.*
- (s) Damage to any electronic data and/or Insured Device software/operating system, storage media, data/records or similar intangible items and damage to the SIM card/memory card of the Insured not caused by manufacturing defect. / *Kerosakan pada sebarang data elektronik dan/atau perisian/sistem pengendalian Peranti Tertanggung, media storan, data/rekod atau item tidak ketara yang seumpamanya dan kerosakan kepada kad SIM/kad memori Orang Tertanggung yang tidak disebabkan oleh kecacatan pengilangan.*
- (t) Damage arising from internal leakage of the battery or damage to the battery not arising from Accidental Damage of the Insured Device. / *Kerosakan yang timbul daripada kebocoran dalaman bateri atau kerosakan kepada bateri yang tidak tertimbul daripada Kerosakan Tidak Sengaja Peranti Tertanggung.*
- (u) Any failure of the Insured Device to operate as a result of problems with respect to the network infrastructure, the Insured's network subscription or similar service issues. / *Sebarang kegagalan Peranti Tertanggung untuk beroperasi akibat masalah berkenaan infrastruktur rangkaian, langganan rangkaian Orang Tertanggung atau isu perkhidmatan yang seumpamanya.*
- (v) Epidemic failure for faults from a common cause or component exceeding five percent (5%) of Insured Devices (in respect of Breakdown only). / *Kegagalan epidemik bagi kerosakan daripada punca atau komponen yang sama melebihi lima peratus (5%) daripada Peranti Tertanggung (berkenaan Kegagalan Fungsi sahaja).*
- (w) The Insured notifying a claim that is beyond seven (7) days from the incident date. / *Orang Tertanggung yang memaklumkan tuntutan yang melebihi tujuh (7) hari dari tarikh kejadian.*
- (x) Any claim where the Insured Device's serial or IMEI number cannot be identified or has been altered. / *Sebarang tuntutan di mana nombor siri atau IMEI Peranti Tertanggung tidak dapat dikenal pasti atau telah diubah.*
- (y) Any damage which was intentionally caused by the Insured, his/her immediate family (including paternal grandfather, paternal grandmother, maternal grandfather, maternal grandmother, biological parent, legally adoptive parents, step-parent, parent-in-law, spouse, biological child, legally adopted child, biological brother/sister) or an authorised user of the Insured. / *Sebarang kerosakan yang disengajakan oleh Orang Tertanggung, ahli keluarga terdekatnya (termasuk datuk sebelah bapa, nenek sebelah bapa, datuk sebelah ibu, nenek sebelah ibu, ibu bapa kandung, ibu bapa angkat yang sah, ibu bapa tiri, ibu bapa mentua, pasangan, anak kandung, anak angkat yang sah, adik-beradik kandung) atau pengguna yang diberi kuasa oleh Orang Tertanggung.*
- (z) Failure caused by a voltage converter and/or applying incorrect voltage to the Insured Device. / *Kegagalan yang disebabkan oleh penukar voltan dan/atau penggunaan voltan yang tidak betul pada Peranti Tertanggung.*
- (aa) Accidental Damage or Cracked Screen Damage caused by design, manufacturing, or other faults in relation to the Insured Device safety. / *Kerosakan Tidak Sengaja atau Kerosakan Skrin Retak yang disebabkan oleh reka bentuk, pengilangan, atau kecacatan lain berkaitan keselamatan Peranti Tertanggung.*
- (bb) Any Device(s) that is counterfeit or has counterfeit parts. / *Mana-mana Peranti yang merupakan tiruan atau mempunyai bahagian tiruan.*
- (cc) Gross negligence in the usage of the Insured Device by the Insured, his/her immediate family or an authorised user of the Insured resulting in a claim. / *Kecuaian besar dalam penggunaan Peranti Tertanggung oleh Orang Tertanggung, ahli keluarga terdekatnya atau pengguna yang diberi kuasa oleh Orang Tertanggung yang mengakibatkan tuntutan.*
- (dd) Any applicable Excess stated in the Certificate of Insurance that the Insured is liable to pay. / *Sebarang Deduktibel yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans yang perlu dibayar oleh Orang Tertanggung.*

(ee) Any damage arising when or as a result of the Insured Device being used by anyone who is not an Insured User.  
*/ Sebarang kerosakan yang timbul semasa atau akibat Peranti Tertanggung digunakan oleh mana-mana pihak yang bukan merupakan Pengguna Tertanggung.*

## **6.2 Sanctions Exclusions Applicable to This Policy / Pengecualian Sekatan Yang Berkenaan Polisi Ini**

6.2.1 This Policy does not apply to the extent that trade or economic sanctions or other laws or regulations prohibit Us from providing insurance, including but not limited to, the payment of claims. All other terms and conditions of the Policy remain unchanged. /

*Polisi ini tidak terpakai sehingga takat sekatan perdagangan atau ekonomi atau undang-undang atau peraturan lain yang melarang Kami daripada memberi insurans, termasuk tetapi tidak terhad kepada, bayaran tuntutan. Semua terma-terma dan syarat-syarat lain Polisi ini kekal tidak berubah.*

6.2.2 Chubb Insurance Malaysia Berhad is a subsidiary/branch of a US company and Chubb Limited, a NYSE listed company. Consequently, Chubb Insurance Malaysia Berhad is subject to certain US laws and regulations in addition to EU, UN and Malaysia sanctions restrictions which may prohibit it from providing cover or paying claims to certain individuals or entities or insuring certain types of activities related to certain countries such as Cuba. /

*Chubb Insurance Malaysia Berhad adalah anak syarikat/cawangan sebuah syarikat Amerika Syarikat dan Chubb Limited, sebuah syarikat yang tersenarai di NYSE. Oleh itu, Chubb Insurance Malaysia Berhad adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan Amerika Syarikat yang tertentu, selain daripada sekatan EU, UN dan Malaysia yang boleh menghalangnya daripada memberikan perlindungan atau membayar tuntutan kepada individu atau entiti yang tertentu atau memberi perlindungan kepada beberapa jenis aktiviti yang tertentu yang berkenaan dengan negara-negara tertentu seperti Cuba.*

## **7 General Conditions / Syarat-syarat Am**

---

### **7.1 Where does Your Policy apply? / Bilakah Polisi Anda terpakai?**

7.1.1 This Policy provides worldwide Coverage for all Benefits. /  
*Polisi ini memberi Perlindungan di seluruh dunia untuk semua Manfaat.*

7.1.2 We only agree to provide the Coverage under this Policy in consideration of the premium that the Insured has paid or agreed to pay, on the terms, conditions and exclusions stated in the Policy. /

*Kami hanya bersetuju untuk memberi Perlindungan di bawah Polisi ini atas pertimbangan premium yang telah dibayar oleh atau telah bersetuju untuk dibayar oleh Orang Tertanggung, pada terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian yang dinyatakan di Polisi.*

7.1.3 The Certificate of Insurance issued by Us under this Policy is deemed to be incorporated into and forms part of this Policy. /

*Sijil Insurans yang Kami keluarkan di bawah Polisi ini hendaklah dianggap sebagai telah dimasukkan ke dalam atau membentuk sebahagian daripada Polisi ini.*

### **7.2 Condition Precedent to Liability / Prasyarat Terhadap Liabiliti**

7.2.1 The due observance and fulfilment of the terms, provisions and conditions of this Policy by the Insured and/or Insured User and/or the Policyholder and in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Insured and/or Insured User and/or the Policyholder shall be conditions precedent to Our liability to make any payment under this Policy. /

*Pematuhan dan pelaksanaan sewajarnya terma, peruntukan dan syarat Polisi ini oleh Orang Tertanggung dan/atau Pengguna Tertanggung dan/atau Pemegang Polisi selagi berkaitan dengan apa-apa Orang Tertanggung dan/atau Pengguna Tertanggung dan/atau Pemegang Polisi perlu lakukan atau patuhi hendaklah menjadi prasyarat terhadap liabiliti Kami untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini.*

### **7.3 Alterations / Pindaan**

7.3.1 We reserve the right to amend the terms and provisions of this Policy by giving the Policyholder a thirty (30) days prior written notice with reasons for the amendment through electronic communication or by post to the Policyholder's last known address in Our records, and such amendment will be applicable to the Policyholder and only to Insureds to be covered under this Policy from the expiry of the said notice period PROVIDED THAT such amended terms and provisions (save and except for those required under the law, court orders or pursuant to guidelines issued by regulatory or other relevant authorities) are first agreed by the Policyholder. No alteration to this Policy shall be valid unless authorised by Us and such approval is endorsed thereon. /

*Kami berhak untuk meminda syarat-syarat dan peruntukan Polisi ini dengan memberikan Pemegang Polisi notis bertulis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu dengan alasan untuk pindaan tersebut melalui komunikasi elektronik*

atau alamat Pemegang Polisi yang terkini di dalam rekod Kami, dan pindaan tersebut akan terpakai kepada Pemegang Polisi dan hanya kepada Orang Tertanggung yang kelak dilindungi di bawah Polisi ini dari penamatan tempoh notis tersebut DENGAN SYARAT terma-terma dan peruntukan yang dipinda (kecuali pindaan yang diperlukan di bawah undang-undang, perintah mahkamah atau menurut garis panduan yang diisu oleh pihak berkuasa kawal selia atau lain lain yang berkaitan) adalah terdahulu disetujui oleh Pemegang Polisi. Tiada pindaan pada Polisi ini adalah sah melainkan diberi kuasa oleh Kami dan kelulusan tersebut hendaklah diendorse pada Polisi ini.

#### **7.4 Laws of Malaysia / Undang-undang Malaysia**

7.4.1 This Policy is issued under the laws of Malaysia and is subject and governed by the laws of Malaysia. / Polisi ini diisu di bawah undang-undang Malaysia dan tertakluk dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

#### **7.5 Malaysia Currency / Mata Wang Malaysia**

7.5.1 All payments by the Insured to Us and by Us to the Insured, Policyholder or any other person under the Policy must be in Ringgit Malaysia. In the event claims are submitted in a foreign currency, it will be paid in Ringgit Malaysia at the exchange rate prevailing at the material time of loss. / Semua bayaran yang dibuat oleh Orang Tertanggung kepada Kami atau Kami kepada Orang Tertanggung, Pemegang Polisi atau orang yang lain di bawah Polisi mestilah di dalam Ringgit Malaysia. Jika tuntutan diserahkan dalam matawang asing, ia akan dibayar dalam Ringgit Malaysia di kadar penukaran pada masa berlakunya kehilangan.

#### **7.6 Misstatement or Omission of Relevant Fact / Salah Nyata atau Peninggalan Fakta Yang Berkenaan**

7.6.1 If :

- (a) any answer or representation by the Policyholder or the Insured, before this Policy or any Coverage is entered into, varied or renewed, in or to any enrolment form or declaration or query, has been deliberately or recklessly incorrectly stated in any respect; or
- (b) before this Policy or any Coverage is entered into, varied or renewed, Policyholder or the Insured has failed to disclose any fact the Policyholder, or the Insured knew to be relevant to Our decision on whether to accept the risk or not and the rates and terms to be applied; or
- (c) any claim made shall be fraudulent or exaggerated, or if any false declaration or statement shall be made in support of such claim,

then in any of the above cases, this Policy or the affected Certificate of Insurance shall be void. /

*Sekiranya :*

- (a) apa-apa jawapan atau perwakilan oleh Pemegang Polisi atau Orang Tertanggung, sebelum Polisi ini atau apa-apa Perlindungan dimasukkan, berbeza atau diperbaharui, di dalam atau kepada apa-apa borang pendaftaran atau pengisytiharan atau pertanyaan, telah dinyatakan dengan tidak betul secara sengaja atau melulu di dalam apa-apa perkara; atau;
- (b) sebelum Polisi ini atau apa-apa Perlindungan dimasukkan, berbeza atau diperbaharui, Pemegang Polisi atau Orang Tertanggung telah gagal untuk mendedahkan apa-apa fakta yang Pemegang Polisi atau Orang Tertanggung ketahui yang berkaitan dengan keputusan Kami samada untuk menerima risiko itu atau tidak dan kadar dan terma-terma yang akan dikenakan; atau
- (c) apa-apa tuntutan yang dibuat adalah satu penipuan atau ditokok tambah, atau sekiranya apa-apa pengisytiharan atau kenyataan yang dibuat didapati adalah palsu atau sebagai penipuan untuk menyokong tuntutan tersebut;

maka dalam mana-mana kes di atas, Polisi ini atau Sijil Insurans yang terlibat adalah tidak sah.

#### **7.7 Legal Proceedings / Prosiding Undang-undang**

7.7.1 No action at law or in equity shall be brought to recover on this Policy prior to expiration of sixty (60) days after written Proof of Loss has been furnished in accordance with the requirements of this Policy. /

Tindakan undang-undang atau ekuiti tidak boleh dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan semula Polisi ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas Bukti Kehilangan bertulis dikemukakan menurut keperluan Polisi ini.

#### **7.8 Subrogation / Subrogasi**

7.8.1 If We shall become liable to make any payment under this Policy, We shall be subrogated to the extent of such payment to all the Policyholder's or Insured's rights and remedies against any party and shall be entitled at Our own expense to sue in the Policyholder's or Insured's name. The Policyholder's or Insured's shall give or cause to be given to Us all such assistance in the Policyholder's or the Insured's power as We shall require to secure the rights and remedies and at Our request shall execute or cause to be executed all documents necessary to enable Us to effectively bring the suit in the Policyholder's or Insured's name. /

*Jika Kami bertanggung untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini, Kami akan disubrogasikan setakat pembayaran bagi semua hak dan remedi Pemegang Polisi atau Orang Tertanggung terhadap mana-mana pihak dan Kami berhak atas perbelanjaan Kami untuk menyaman atas nama Pemegang Polisi atau Orang Tertanggung. Pemegang Polisi atau Orang Tertanggung hendaklah memberikan atau memastikan semua bantuan di bawah kuasa Pemegang Polisi atau Orang Tertanggung diberikan kepada Kami seperti yang Kami perlukan untuk menjamin hak dan remedi dan atas permintaan Kami melaksanakan atau memastikan semua dokumen yang diperlukan dilaksanakan bagi membolehkan Kami mengambil tindakan undang-undang secara berkesan atas nama Pemegang Polisi atau Orang Tertanggung.*

#### **7.9 Ownership of Policy / Pemilikan Polisi**

7.9.1 Unless otherwise expressly provided for by endorsement in the Policy, We shall be entitled to treat the Policyholder as the absolute owner of the Policy. Unless allowed under any specific law, We shall not be bound to recognise any equitable or other claim to or interest in the Policy, and receipt of the Policy or a Benefit by the Insured alone shall be an effective discharge of all Our obligations and liabilities. /

*Melainkan jika diperuntukkan dengan nyata sebaliknya oleh Endorsmen dalam Polisi ini, Kami berhak untuk menganggap Pemegang Polisi sebagai pemilik mutlak Polisi ini. Melainkan jika dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang tertentu, Kami tidak akan terikat untuk mengiktiraf apa-apa ekuiti atau tuntutan lain atau kepentingan dalam Polisi ini, dan penerimaan Polisi atau Manfaat oleh Anda atau Penuntut sahaja akan menjadi pelepasan yang berkesan bagi semua obligasi dan liabiliti Kami.*

#### **7.10 Notice / Notis**

7.10.1 Every notice and communication to Us shall be in writing and sent to Us. No alterations in the terms of this Policy or any endorsement thereon, will be held valid unless the same is issued by Us. /

*Setiap notis dan komunikasi kepada Kami hendaklah secara bertulis dan dihantar kepada Kami. Tiada pindaan terma Polisi ini atau apa-apa endorsmen pada Polisi ini, akan ditanggung sah kecuali diisukan oleh Kami.*

#### **7.11 Premium / Premium**

7.11.1 Premiums payable on this Policy are not guaranteed, We reserve the right to amend the premium rate by giving the Policyholder thirty (30) days prior written notice on any change through electronic communication or by post to the last known address in Our records, and such amendment will be applicable to the Policyholder and only to Insureds to be covered under this Policy from the expiry of the said notice period, PROVIDED THAT such amendments (save and except for those required under the law, court orders or pursuant to guidelines issued by regulatory or other relevant authorities) are first agreed by the Policyholder. /

*Premium yang kena dibayar untuk Polisi ini tidak terjamin, Kami berhak membuat pindaan ke atas kadar premium dengan memberi Pemegang Polisi notis bertulis tiga puluh (30) hari bagi pindaan tersebut melalui komunikasi elektronik atau ke alamat terakhir yang diketahui di dalam rekod Kami, dan pindaan tersebut akan terpakai kepada Pemegang Polisi dan hanya kepada Orang Tertanggung yang kelak dilindungi di bawah Polisi ini dari penamatan tempoh notis tersebut DENGAN SYARAT pindaan tersebut (kecuali jika diperlukan di sisi undang-undang, perintah mahkamah atau menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia atau pihak berkuasa lain yang berkaitan) telah terdahulu disetujui oleh Pemegang Polisi.*

7.11.2 Notwithstanding any other condition in this Policy and subject to clause 7.11.3, it is hereby agreed and declared that the total premium payable on the Certificate of Insurance for the Insured's Coverage must be paid and actually received in full for the entire Period of Insurance by Us (or the intermediary through whom the Insured's Coverage was effected) on or before the Effective Date of Cover. This clause is not applicable to plans with MPMC payment type. /

*Tanpa menjejaskan apa-apa syarat lain dalam Polisi ini dan tertakluk pada fasal 7.11.3, adalah dipersetujui dan diperakui bahawa jumlah premium yang perlu dibayar bagi Sijil Insurans untuk Perlindungan Orang Tertanggung mesti diterima dalam jumlah penuh untuk keseluruhan jangkamasa Tempoh Insurans oleh Kami (atau orang tengah yang melaluinya Perlindungan Orang Tertanggung ini dikuatkuasakan) pada atau sebelum Tarikh Mula Perlindungan. Fasal ini tidak terpakai bagi pelan dengan jenis pembayaran MPMC.*

7.11.3 In the event that the total premium due is not paid and actually received in full by Us (or the intermediary through whom the Insured's Coverage was effected) on or before the Effective Date of Cover, respectively, then the Certificate of Insurance for the Insured's Coverage shall be deemed to be cancelled immediately and no Benefits whatsoever shall be payable by Us. Any payment received thereafter shall be of no effect whatsoever on the cancellation of the Certificate of Insurance. This clause is not applicable to plans with MPMC payment type. /

*Jika premium penuh yang perlu dijelaskan tidak dibayar dan diterima dalam jumlah penuh oleh Kami (atau orang tengah yang melaluinya Perlindungan Orang Tertanggung dikuatkuasakan) pada atau sebelum Tarikh Mula Perlindungan, masing-masing, maka Sijil Insurans untuk Perlindungan Orang Tertanggung hendaklah dianggap sebagai terbatal serta-merta dan tidak ada Manfaat akan Kami bayar. Apa-apa bayaran yang diterima selepas itu*

*tidak memberikan apa-apa kesan pada pembatalan Sijil Insurans. Fasal ini tidak terpakai bagi pelan dengan jenis pembayaran MPMC.*

- 7.11.4 Specifically, for plans with MPMC payment type, if a monthly payment is not received, the Policyholder will notify the Insured by email and may attempt to collect the payment again. If payment cannot be collected within fifteen (15) days from the billing date, We will cancel the Policy and the individual Insured's Coverage will end at the end of the last paid month. /

*Khususnya, bagi pelan dengan jenis pembayaran MPMC, sekiranya pembayaran bulanan tidak diterima, Pemegang Polisi akan memaklumkan Orang Tertanggung melalui e-mel dan mungkin akan cuba mengutip pembayaran semula. Sekiranya pembayaran tidak dapat dikutip dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh pengebilan, Kami akan membatalkan Polisi dan Perlindungan Orang Tertanggung secara individu akan tamat pada akhir bulan yang telah dibayar.*

#### **7.12 Free-look Period / Tempoh Kajian Percuma**

- 7.12.1 The Insured has seven (7) days from the Effective Date of Cover to decide if the Policy meets his/her needs. The Insured may cancel the Coverage simply by advising Us in writing within those seven (7) days to cancel it. If the Insured does this, the Policyholder will return any premiums the Insured has paid to the Policyholder during this period. We shall not be liable to the Policyholder for any inaccuracies or errors in the premium refunded by the Policyholder to the Insured. /

*Orang Tertanggung mempunyai tujuh (7) hari dari Tarikh Mula Perlindungan untuk memutuskan sama ada Polisi memenuhi keperluannya. Orang Tertanggung boleh membatalkan Perlindungan dengan hanya memaklumkan Kami secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari tersebut untuk membatalkannya. Sekiranya Orang Tertanggung berbuat demikian, Pemegang Polisi akan memulangkan sebarang premium yang telah dibayar oleh Orang Tertanggung kepada Pemegang Polisi dalam tempoh ini. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Polisi atas sebarang ketidaktepatan atau kesilapan dalam premium yang dikembalikan oleh Pemegang Polisi kepada Orang Tertanggung.*

- 7.12.2 The Insured will not receive any refund of premium if the Insured has made a claim during this free-look period. /  
*Orang Tertanggung tidak akan menerima bayaran balik premium sekiranya Orang Tertanggung telah membuat tuntutan semasa tempoh kajian percuma ini.*

#### **7.13 Arbitration / Timbang Tara**

- 7.13.1 All differences arising out of this Policy shall be referred to an Arbitrator who shall be appointed in writing by the Insured or the Policyholder (as the case may be) and Us. In the event that the Insured or the Policyholder (as the case may be) and We are unable to agree on who is to be the Arbitrator within one month of being required in writing to do so then the Insured or the Policyholder (as the case may be) and We shall be entitled to appoint an Arbitrator each who shall proceed to hear the differences together with an Umpire to be appointed by both Arbitrators. However, this is provided that any disclaimer of liability by Us for any claim hereunder must be referred to an Arbitrator within twelve calendar months from date of Our disclaimer to the Insured or the Policyholder (as the case may be). /

*Semua pertelingkahan yang timbul daripada Polisi ini akan dirujuk kepada Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh Orang Tertanggung atau Pemegang Polisi (mengikut mana-mana yang berkenaan) dan Kami. Sekiranya Orang Tertanggung atau Pemegang Polisi (mengikut mana-mana yang berkenaan) dan Kami tidak dapat bersetuju dalam menentukan siapakah Penimbang Tara dalam masa satu bulan yang diperlukan untuk berbuat demikian secara bertulis, maka Orang Tertanggung atau Pemegang Polisi (mengikut mana-mana yang berkenaan) dan Kami layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing yang akan mendengar pertelingkahan ini bersama-sama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara. Walau bagaimanapun disyaratkan bahawa mana-mana penafian tuntutan liabiliti oleh Kami bagi sebarang tuntutan mestilah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penafian tuntutan Kami kepada Orang Tertanggung atau Pemegang Polisi (mengikut mana-mana yang berkenaan).*

#### **7.14 Period of Cover and Renewal / Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan**

- 7.14.1 Upfront Payment Type / Jenis Pembayaran Pendahuluan  
The Coverage under the Certificate of Insurance shall continue to be in force until the end of the Period of Insurance and is non-renewable. /

*Perlindungan di bawah Sijil Insurans hendaklah terus berkuat kuasa sehingga tamat Tempoh Insurans dan tidak boleh diperbaharui.*

- 7.14.2 MPMC Payment Type / Jenis Pembayaran MPMC

The Coverage under the Certificate of Insurance shall continue to be in force throughout the Period of Insurance if premium is paid, unless cancelled by the Insured, and is renewable up to the Expiry Date of Cover. /

*Perlindungan di bawah Sijil Insurans hendaklah terus berkuat kuasa sepanjang Tempoh Insurans sekiranya premium dibayar, melainkan dibatalkan oleh Orang Tertanggung, dan boleh diperbaharui sehingga Tarikh Tamat Perlindungan.*

- 7.14.3 This Policy shall continue to be in force until the end of the Policy Period. /  
*Polisi ini akan terus berkuat kuasa sehingga tamat Tempoh Polisi.*
- 7.14.4 Unless We, at least thirty (30) days in advance, mail or deliver to the Policyholder at the latest address in Our record of Our intention not to renew the Policy or to condition its renewal upon reduction of limits or elimination of coverages at Our premium rate in force at the time of renewal, the Policyholder shall be entitled to renew the Policy upon continued payment of the premium due under Coverages issued under the Policy. Our acceptance of premium shall constitute Our consent to renewal. /  
*Melainkan Kami, sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari terlebih dahulu, pos atau hantar kepada Pemegang Polisi ke alamat yang terkini di dalam rekod Kami niat Kami untuk tidak memperbaharui Polisi atau untuk syarat pembaharuan atas pengurangan had atau penyingkiran perlindungan pada kadar premium Kami yang berkuatkuasa pada masa pembaharuan, Pemegang Polisi berhak memperbaharui Polisi apabila bayaran premium yang perlu dibayar untuk Perlindungan yang diisukan di bawah Polisi ini terus dibayar. Penerimaan Kami bagi premium akan membentuk persetujuan Kami untuk pembaharuan tersebut.*

## **8 Cancellation / Pembatalan**

---

### **8.1 When We can cancel / Bilakah Kami boleh membatalkannya**

- 8.1.1 We may cancel the Coverage under the Certificate of Insurance by giving the Insured at least one (1) month's prior notice through electronic communication or in writing to the address on Our records. /  
*Kami boleh membatalkan Perlindungan di bawah Sijil Insurans dengan memberi Orang Tertanggung sekurang-kurangnya satu (1) bulan notis terlebih dahulu melalui komunikasi elektronik atau secara bertulis kepada alamat di dalam rekod Kami.*
- 8.1.2 We may cancel the Policy by giving the Policyholder at least one (1) month's prior notice in writing to the latest address on file ("**Insurer Notice Period**"). During the Insurer Notice Period, the Policyholder shall cease to extend the Coverage(s) to any of its customers who may be eligible for cover under this Policy. /  
*Kami boleh membatalkan Polisi ini dengan memberi Pemegang Polisi notis bertulis sekurang-kurangnya satu (1) bulan terlebih dahulu ke alamat terkini di dalam fail ("**Tempoh Notis Penanggung Insurans**"). Semasa Tempoh Notis Penanggung Insurans, Pemegang Polisi akan berhenti memberikan Perlindungan kepada mana-mana pelanggan yang mungkin layak untuk lindungan di bawah Polisi ini.*
- 8.1.3 In the event of such cancellation provided in clause 8.1.2, all the Coverage(s) which were in place prior to the Insurer Notice Period shall continue until the expiry of their respective Period(s) of Insurance. /  
*Dalam kejadian pembatalan sedemikian yang dinyatakan di fasal 8.1.2, semua Perlindungan yang masih aktif sebelum Tempoh Notis Penanggung Insurans akan berterusan sehingga penamatan Tempoh Insurans mereka masing-masing.*

### **8.2 When Insured or Policyholder can cancel / Bilakah Orang Tertanggung atau Pemegang Polisi boleh membatalkannya**

- 8.2.1 Upfront Payment Type / *Jenis Pembayaran Pendahuluan*  
The Insured can cancel the Coverage under this Policy at any time by written notice provided no claim has arisen during the Period of Insurance. /  
*Orang Tertanggung boleh membatalkan Perlindungan di bawah Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis, dengan syarat tiada tuntutan telah timbul semasa Tempoh Insurans.*
- 8.2.2 MPMC Payment Type / *Jenis Pembayaran MPMC*  
The Insured can cancel the Coverage under this Policy at any time by written notice prior to the expiry of the relevant Period of Insurance, for which premium is paid. The cancellation shall take effect at the end of the relevant billing month for which premium was paid for with no premium refund.  
For the avoidance of doubt, where a MPMC plan is cancelled before or during the 12<sup>th</sup> month, no Breakdown Benefit will be provided to the Insured and where a MPMC plan is cancelled after the 12<sup>th</sup> month, the Insured will be provided Coverage for the Accidental Damage and Breakdown Benefits until the end of the paid month when the cancellation takes effect. /  
*Orang Tertanggung boleh membatalkan Perlindungan di bawah Polisi ini pada bila-bila masa dengan notis bertulis sebelum tamat Tempoh Insurans yang berkaitan, yang mana premiumnya telah dibayar. Pembatalan hendaklah*

*berkuat kuasa pada akhir bulan pengesahan yang berkaitan di mana premium telah dibayar tanpa sebarang bayaran balik premium.*

*Bagi mengelakkan keraguan, di mana pelan MPMC dibatalkan sebelum atau semasa bulan ke-12, tiada Manfaat Kegagalan Fungsi akan diberikan kepada Orang Tertanggung dan di mana pelan MPMC dibatalkan selepas bulan ke-12, Orang Tertanggung akan diberikan Perlindungan untuk Manfaat Kerosakan Tidak Sengaja dan Kegagalan Fungsi sehingga akhir bulan yang telah dibayar apabila pembatalan berkuat kuasa.*

- 8.2.3 The Policyholder may cancel this Policy at any time by giving at least one (1) month's prior written notice to Us ("**Policyholder's Notice Period**"). During the Policyholder's Notice Period, the Policyholder shall cease to extend the Coverage(s) to any of its customers who may be eligible for cover under this Policy. /  
*Pemegang Polisi boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan Kami notis bertulis sekurang-kurangnya satu (1) bulan terlebih dahulu ("**Tempoh Notis Pemegang Polisi**"). Semasa Tempoh Notis Pemegang Polisi, Pemegang Polisi mesti berhenti memberikan Perlindungan kepada mana-mana pelanggan yang mungkin layak untuk mendapat perlindungan di bawah Polisi ini.*
- 8.2.4 In the event of such cancellation provided in clause 8.2.3, all Coverage(s) which were in place prior to the Policyholder's Notice Period shall continue until the expiry of their respective Period(s) of Insurance. /  
*Dalam kejadian pembatalan sedemikian yang dinyatakan di fasal 8.2.3, semua Perlindungan yang masih aktif sebelum Tempoh Notis Pemegang Polisi akan berterusan sehingga penamatan Tempoh Insurans mereka masing-masing.*

### **8.3 Automatic Termination / Pembatalan Otomatik**

- 8.3.1 Coverage under the Certificate of Insurance in respect of any particular Insured will terminate automatically on the earliest of any the following:
- (a) non-payment of premium; or
  - (b) when the Insured has maximised the occurrence of claims during the Period of Insurance as stated in clause 5.4-Limit of Liability; or
  - (c) when the Insured dies; or
  - (d) when the Insured or Insured User modifies, alters or changes the Insured Device outside the intended Manufacturer's function; or
  - (e) where the serial number or IMEI number of the Insured Device is removed, obliterated or altered from the Insured Device; or
  - (f) where repair(s) has/ have been conducted by unauthorised repair centers or person at any point during or before the Period of Insurance; or
  - (g) expiration of the Period of Insurance. /
- Perlindungan di bawah Sijil Insurans berkenaan dengan mana-mana Orang Tertanggung akan dibatalkan secara automatik di atas mana-mana berikut yang paling awal:*
- (a) tiada bayaran premium; atau
  - (b) apabila Orang Tertanggung telah memaksimumkan kejadian tuntutan semasa Tempoh Insurans seperti yang dinyatakan di fasal 5.4-Had Liabiliti; atau
  - (c) apabila Orang Tertanggung meninggal dunia; atau
  - (d) apabila Orang Tertanggung atau Pengguna Tertanggung mengubahsuai, meminda atau mengubah Peranti Tertanggung di luar fungsi Pengilang yang diniatkan; atau
  - (e) apabila nombor siri atau nombor IMEI Peranti Tertanggung telah dibuang, dipadamkan atau diubah daripada Peranti Tertanggung; atau
  - (f) apabila pembaikan telah dilakukan oleh pusat pembaiki atau individu yang tidak berkuat kuasa pada bila-bila masa semasa atau sebelum Tempoh Insurans; atau
  - (g) tamat tempoh Tempoh Insurans.

### **8.4 Refund of Premium / Bayaran Balik Premium**

- 8.4.1 In the event of cancellation under clauses 8.1.1, 8.2.1, 8.3.1(c), 8.3.1(d), 8.3.1(e) or 8.3.1(f), We will promptly refund the Insured or Policyholder the pro-rated portion of the premium paid by the Insured, from the time We received the written notification for the unexpired Period of Insurance. If a refund is paid to the Policyholder, the Policyholder shall promptly refund to the Insured. We shall not be liable to the Policyholder for any inaccuracies or errors in the premium refunded by the Policyholder to the Insured. /  
*Dalam hal pembatalan di bawah fasal 8.1.1, 8.2.1, 8.3.1(c), 8.3.1(d), 8.3.1(e) atau 8.3.1(f), Kami akan segera membayar balik kepada Orang Tertanggung atau Pemegang Polisi sebahagian premium secara pro-rata yang telah dibayar oleh Orang Tertanggung, dari masa Kami menerima notis bertulis bagi Tempoh Insurans yang belum tamat. Sekiranya bayaran balik dibayar kepada Pemegang Polisi, Pemegang Polisi hendaklah segera memulangkan bayaran balik kepada Orang Tertanggung. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Polisi atas sebarang ketidaktepatan atau kesilapan dalam premium yang dikembalikan oleh Pemegang Polisi kepada Orang Tertanggung.*
- 8.4.2 To avoid any doubt, We will not refund any premium paid if the Insured has made a claim and a Benefit has been paid or is payable to the Insured. /

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Kami tidak akan membayar balik apa-apa premium yang telah dibayar sekiranya Orang Tertanggung telah membuat tuntutan dan sesuatu Manfaat telah dibayar atau kena dibayar kepada Orang Tertanggung.

## **9 Claims / Tuntutan**

---

### **9.1 Notice of Claim / Notis Tuntutan**

9.1.1 On the happening of any occurrence likely to give rise to a claim under this Policy, the Insured shall:

- (a) within seven (7) days of the occurrence of Accidental Damage or Breakdown or Cracked Screen Damage, please notify Us of the event; and
- (b) provide Us, if requested, any supporting documentation regarding the claim for filing of Proofs of Loss. By doing so, the Insured is authorizing Us to pursue further enquiries in relation to the claim. /

*Apabila berlaku sebarang kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Orang Tertanggung hendaklah:*

- (a) dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari kejadian Kerosakan Tidak Sengaja atau Kegagalan Fungsi atau Kerosakan Skrin Retak, sila beritahu Kami kejadian tersebut; dan
- (b) memberi Kami, jika diminta, sebarang dokumentasi sokongan mengenai tuntutan tersebut untuk pemfailan Bukti Kehilangan. Dengan berbuat demikian, Orang Tertanggung memberi kuasa kepada Kami untuk bertanya dengan lebih lanjut berkenaan tuntutan tersebut.

9.1.2 It is a condition precedent to Our liability that when any event occurs which gives rise to a claim under this Policy, the Insured Device must be Repaired or Replaced by the Authorised Repairer. In case of a Replacement, the original damaged Insured Device must be surrendered to Us at the time of Replacement. In the event of non-compliance by an Insured User with any of the above conditions, any liability of Us that would have arisen as a result of such claim shall be forfeited. /

*Ia merupakan syarat terdahulu kepada liabiliti Kami bahawa apabila sebarang kejadian berlaku yang menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Peranti Tertanggung mestilah Dibaiki atau Digantikan oleh Pembaiki Diberi Kuasa. Sekiranya terdapat Penggantian, Peranti Tertanggung asal yang rosak mestilah diserahkan kepada Kami pada masa Penggantian. Sekiranya Pengguna Tertanggung tidak mematuhi mana-mana syarat di atas, sebarang liabiliti Kami yang sepatutnya timbul akibat tuntutan tersebut hendaklah dilucut hakkan.*

### **9.2 Proof of Loss / Bukti Kehilangan**

9.2.1 If the Insured shall fail to supply the requisite Proof of Loss as stipulated by the terms, provisions and conditions of the Policy, the Insured may, within a grace period of seven (7) days from the time that the written Proof of Loss was to be furnished, submit the relevant Proof of Loss to Us with cogent reason(s) for the failure to comply with the Policy terms, provisions and conditions. The acceptance of such proof shall be at Our sole and entire discretion. /

*Jika Orang Tertanggung gagal membekalkan Bukti Kehilangan yang diperlukan seperti yang ditetapkan oleh terma-terma, peruntukan dan syarat-syarat Polisi, Orang Tertanggung boleh, dalam tempoh penangguhan tujuh (7) hari dari masa Bukti Kehilangan secara bertulis sepatutnya dikemukakan, menyerahkan Bukti Kehilangan yang berkenaan kepada Kami beserta sebab-sebab yang munasabah untuk kegagalan mematuhi dengan terma-terma, peruntukan dan syarat-syarat Polisi. Penerimaan bukti tersebut adalah di atas budi bicara Kami secara keseluruhan.*

### **9.3 Settlement of Claims / Penyelesaian Tuntutan**

9.3.1 Any loss which We may be liable under this Policy shall be settled within thirty (30) days after Proof of Loss is received by Us and ascertainment of the loss is made either by agreement between the Insured and Us; but if such ascertainment is not had or made within sixty (60) days after such receipt by Us of the Proof of Loss, then the loss shall be settled within ninety (90) days after such receipt. /

*Sebarang kehilangan yang Kami mungkin bertanggungjawab di bawah Polisi ini akan diselesaikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Bukti Kehilangan diterima oleh Kami dan kepastian yang kehilangan tersebut dibuat sama ada dengan persetujuan di antara Orang Tertanggung dan Kami; tetapi kepastian sebegitu tidak diperolehi atau dibuat dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas penerimaan Bukti Kehilangan oleh Kami, maka kehilangan tersebut akan diselesaikan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas penerimaan tersebut.*

9.3.2 If the Insured Device is part of a Pair or Set, then the claim will be settled for the Pair or Set unless the Insured Device can be used individually or Repaired or Replaced individually. /

*Jika Peranti Tertanggung adalah sebahagian daripada Sepasang atau Set, maka tuntutan akan diselesaikan untuk Sepasang atau Set melainkan Peranti Tertanggung boleh digunakan secara berasingan atau Dibaiki atau Digantikan secara berasingan.*

## **10 Third Parties / Pihak Ketiga**

---

- 10.1** Nothing in the Policy or Certificate of Insurance is intended to grant any right to any third party, to enforce any term of the Policy, or to confer any third party any Benefits under the Policy. There is no liability under the Policy, or by Us, to a third party in respect of any other liabilities. /  
*Tiada apa yang dinyatakan di dalam Polisi atau Sijil Insurans bertujuan untuk memberikan apa-apa hak kepada mana-mana pihak ketiga, untuk menguatkuasa apa-apa terma Polisi, atau untuk menganugerahkan kepada mana-mana pihak ketiga apa-apa manfaat di bawah Polisi ini. Tiada liabiliti di bawah Polisi, atau oleh Kami, kepada pihak ketiga berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang lain.*

## **11 Payment of Benefits / Bayaran Manfaat**

---

- 11.1** If the Insured Device is covered under more than one Chubb policy at the time of the insured event, the Insured may claim under all such policies. The maximum amount payable by Chubb for the claim will not exceed the Insured Device's purchase value, regardless of the aggregate sum insured or policy limits across all applicable Chubb policies. In this event, if the Insured has made a claim under a Chubb policy and: /  
*Jika Peranti Tertanggung dilindungi di bawah lebih daripada satu polisi Chubb pada masa kejadian tertanggung, Orang Tertanggung boleh menuntut di bawah semua polisi tersebut. Jumlah maksimum yang perlu dibayar oleh Chubb untuk tuntutan tidak akan melebihi nilai belian Peranti Tertanggung, tanpa mengira jumlah tertanggung agregat atau had polisi untuk semua polisi Chubb yang berkenaan. Dalam hal ini, jika Orang Tertanggung telah membuat tuntutan di bawah polisi Chubb dan:*
- 11.1.1** Where an Excess applies, the Insured may make a claim for such Excess under the other Chubb policy(ies), subject to their terms and conditions. If there is a Excess on the other Chubb policy(ies), the Excess will not apply for such claim; or /  
*Sekiranya Deduktibel dikenakan, Orang Tertanggung boleh membuat tuntutan untuk Deduktibel tersebut di bawah polisi Chubb yang lain, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat polisi tersebut. Jika terdapat Deduktibel pada polisi Chubb yang lain, Deduktibel tidak akan dikenakan untuk tuntutan tersebut; atau*
- 11.1.2** If the Insured does not wish to continue the other Chubb policy(ies) where claims are not paid under, the Insured may request a refund of the premium for such policy(ies), subject to their terms and conditions. /  
*Sekiranya Orang Tertanggung tidak ingin meneruskan polisi Chubb lain di mana tiada tuntutan dibayar, Orang Tertanggung boleh meminta bayaran balik premium untuk polisi tersebut, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat polisi tersebut.*
- 11.2** For the purpose of this clause 11, purchase value refers to the selling price including applicable taxes (if any set by the registered seller at the purchase date of the Insured Device, excluding any subsidies, promotions, rebates and/ or discounts. /  
*Bagi tujuan fasal 11 ini, nilai pembelian merujuk kepada harga jualan termasuk cukai yang berkenaan (jika ada) yang ditetapkan oleh penjual berdaftar pada tarikh pembelian Peranti Tertanggung, tidak termasuk sebarang subsidi, promosi, potongan harga dan/atau diskaun.*

## **12 Complaints / Aduan**

---

- 12.1** If the Policyholder or the Insured has any complaints in relation to Our services and/or matters relating to this Policy, the Policyholder or the Insured is advised to contact Us at: / *Jika Pemegang Polisi atau Orang Tertanggung mempunyai apa-apa aduan berkenaan dengan khidmat Kami dan/atau perkara yang berkaitan dengan Polisi ini, Pemegang Polisi atau Orang Tertanggung boleh menghubungi Kami di:*

Chubb Insurance Malaysia Berhad  
Registration Number : 197001000564 (9827-A)  
Wisma Chubb  
38 Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2058 3000 Fax: 03-2058 3333  
E-mail: [Inquiries.MY@chubb.com](mailto:Inquiries.MY@chubb.com)

**12.2** In the event the Insured is not satisfied with Our decision, the Insured can refer the matter to Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) (*formerly known as Ombudsman for Financial Services*) (“FMOS”) or Bank Negara Malaysia. The Insured can contact them at: / *Jika Orang Tertanggung tidak berpuas hati dengan keputusan Kami, Orang Tertanggung boleh merujukkan perkara tersebut kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) (“FMOS”) atau Bank Negara Malaysia. Orang Tertanggung boleh menghubungi mereka di:*

**PENGARAH**

Jabatan LINK & Pejabat Wilayah

Bank Negara Malaysia

4th Floor,

Podium Bangunan AICB,

No.10, Jalan Dato’ Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel : 1-300-88-5465 Fax : 03-2174 1515

Enquiries or Complaints : <https://bnm.gov.my/contact-us/BNMLINK>

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)

Company No : 200401025885

*(formerly known as Ombudsman for Financial Services)*

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

Tel : 03-2272 2811

Website : [www.fmos.org.my](http://www.fmos.org.my)

(for claim matters within FMOS’s jurisdiction only / *untuk hal-hal tuntutan di dalam bidang kuasa FMOS sahaja*)

## Privacy Notice

---

In line with the Personal Data Protection Act 2010 (“**PDPA**”), we are required to inform you that the personal data you have provided to us or that is subsequently obtained by us from time to time, including your sensitive personal data such as details about your health or condition, if any (“**Personal Data**”), may be processed for the purpose of processing your insurance application/proposal, provision of insurance related products or services or any addition, alteration, variation, cancellation, renewal or reinstatement thereof, performing statistical/actuarial research or data study, promoting products and services and other related purposes (collectively, “**Purpose**”). The Personal Data is obtained when you fill up documents; liaise with us or our representatives; or give it to us or our representatives in person, over the telephone, through websites or from third parties you have consented to.

Although you are not obliged to provide us with your Personal Data, we will not be able to process your application for insurance cover or process your claim if you fail to provide all requested information.

Your Personal Data may be disclosed to our related company or any other company carrying on insurance or reinsurance related business, an intermediary, or a claims, investigation or other service provider and to any association, federation or similar organisation of insurance companies that exists or is formed from time to time for the Purpose or to fulfil some legal or regulatory function or is reasonably required in the interest of the insurance industry. In such instances, it will be done in compliance with the PDPA.

We may also disclose your Personal Data where such disclosure is required under the law, court orders or pursuant to guidelines issued by regulatory or other relevant authorities, if we reasonably believe that we have a lawful right to disclose your Personal Data to any third party or that we would have had your consent for such disclosure if you had known of the same, and/or if the disclosure is in the public interest.

Your Personal Data may also be transferred to our related companies and third party providers, which may be located outside Malaysia for the Purpose. In the event that we use external service providers, specific security and confidentiality safeguards have been put in place to ensure your privacy rights remain unaffected.

Where you have given us personal data that is of another individual (“**Data Subject**”), you must ensure that you have informed the Data Subject that you are providing the Data Subject's personal data to us, and have gotten the Data Subject's consent to do so. You must explain what is stated here to the Data Subject, and ensure he/she understands, agrees and authorises us to deal with his/her personal data according to what is stated here.

You may make inquiries, complaints, request for access to or correction of your Personal Data, or limit the processing of your Personal Data at any time hereafter by submitting such request to us at **Chubb Insurance Malaysia Berhad**, Registration Number : 197001000564 (9827-A), Manager, Customer Service Unit, Wisma Chubb, 38 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia (Tel: 1800-88-3226 / E-mail: [Inquiries.MY@Chubb.com](mailto:Inquiries.MY@Chubb.com)).

By continuing to deal with us, you understand, agree and consent to the terms above with respect to the processing of your Personal Data.

## NOTIS PRIVASI

---

Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**"), kami telah diminta untuk memberitahu anda bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami atau yang selepasnya kami perolehi dari semasa ke semasa termasuklah data peribadi sensitif anda seperti butir-butir mengenai kesihatan dan keadaan anda, sekiranya ada ("**Data Peribadi**"), mungkin diproses untuk tujuan memproses permohonan/cadangan insurans, penyediaan produk atau perkhidmatan berkaitan insurans atau sebarang penambahan, pindaan, perubahan, pembatalan, pembaharuan atau penyambungan, pelaksanaan penyelidikan statistik/aktuari atau kajian data, promosi produk dan perkhidmatan dan untuk tujuan lain yang berkaitan (secara bersama, "**Tujuan**"). Data Peribadi tersebut adalah diperolehi apabila anda mengisi dokumen-dokumen; berhubung dengan kami atau wakil-wakil kami; atau memberikan ia kepada kami atau wakil-wakil kami secara peribadi, melalui telefon, atau melalui laman-laman web atau daripada pihak-pihak ketiga yang anda telah bersetuju.

Walaupun anda tidak diwajibkan untuk memberi kami Data Peribadi anda, kami tidak dapat menimbang permohonan anda untuk perlindungan insurans atau memproses tuntutan anda jika anda tidak memberikan semua maklumat yang diminta.

Data Peribadi anda mungkin akan didedahkan kepada syarikat berkaitan kami atau mana-mana syarikat lain yang menjalankan perniagaan berkaitan insurans atau insurans semula, syarikat perantara, atau sesuatu tuntutan, penyiasatan atau penyedia perkhidmatan lain dan kepada mana-mana persatuan, persekutuan atau organisasi syarikat insurans serupa yang wujud atau yang ditubuhkan dari masa ke masa untuk Tujuan tersebut atau untuk memenuhi fungsi perundangan atau peraturan atau diperlukan dengan sewajarnya demi kepentingan industri insurans. Dalam keadaan sedemikian, ia akan dilakukan mengikuti PDPA.

Kami juga mungkin akan mendedahkan Data Peribadi anda apabila pendedahan sedemikian diperlukan di bawah undang-undang, atas arahan-arahan mahkamah atau menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia atau pihak berkuasa lain, jika kami percaya bahawa kami mempunyai hak di bawah undang-undang untuk mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga atau mungkin akan mendapatkan persetujuan bagi pendedahan tersebut jika anda mengetahui tentangnya, dan/atau jika pendedahan adalah berasaskan kepentingan umum.

Data Peribadi anda juga boleh dipindahkan kepada syarikat-syarikat berkaitan kami dan pembekal-pembekal pihak ketiga yang mungkin terletak di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut. Sekiranya kami menggunakan penyedia perkhidmatan luar, langkah-langkah keselamatan dan kerahsiaan tertentu telah pun diambil untuk memastikan hak kerahsiaan anda tidak terjejas.

Apabila anda memberikan kepada kami data peribadi individu lain ("**Subjek Data**"), anda mestilah memastikan bahawa anda telah memaklumkan kepada Subjek Data bahawa anda akan memberikan data peribadi Subjek Data kepada kami, dan telah mendapati persetujuan Subjek Data untuk berbuat sedemikian. Anda hendaklah menjelaskan apa yang telah dinyatakan di sini kepada Subjek Data, dan memastikannya memahami, bersetuju dan membenarkan anda untuk berurusan dengan data peribadinya mengikuti apa yang dinyatakan di sini.

Anda boleh membuat pertanyaan, aduan atau permintaan untuk mendapatkan atau membetulkan Data Peribadi anda atau mengehendkan pemprosesan Data Peribadi pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut menerusi **Chubb Insurance Malaysia Berhad**, Nombor Pendaftaran : 197001000564 (9827-A), Pengurus, Unit Khidmat Pelanggan, Wisma Chubb, 38 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia (Tel: 1800-88-3226 / E-mel: [Inquiries.MY@Chubb.com](mailto:Inquiries.MY@Chubb.com)).

Dengan terus berurusan dengan kami, anda memahami, membenarkan dan bersetuju dengan terma-terma di atas mengenai pemprosesan Data Peribadi anda.